

**TATACARA**  
**MAJLIS KONVOKESYEN KE-33 SECARA MAYA**  
**PENGISIAN MAKLUMAT PENGESANAN GRADUAN,**  
**PENDAFTARAN ALUMNI PKB ,**  
**PENGAMBILAN SKROL DIPLOMA DAN SESI FOTOGRAFI**  
**GRADUAN SESI DISEMBER 2018 & SESI JUN 2019**

**TAHNIAH**, diucapkan kepada **para graduan Politeknik Kota Bharu** yang telah disahkan **Lulus** oleh Lembaga Peperiksaan dan Penganugerahan Sijil/Diploma Politeknik Jabatan Pendidikan Politeknik Dan Kolej Komuniti untuk **Sesi Disember 2018 dan Sesi Jun 2019**. Mengambil kira situasi semasa **Pandemik Covid-19**, pihak Politeknik Kota Bharu memutuskan untuk menganjurkan **Majlis Konvokesyen Ke-33 secara norma baru** mengikut arahan-arahan **SOP Am** yang telah ditetapkan oleh pihak KKM dan MKN. *Sehubungan itu para graduan dipohon untuk menggunakan Aplikasi My Sejahtera semasa memasuki kampus PKB.*

Berikut adalah Jadual Pengambilan Skrol Diploma, Pengisian Maklumat Pengesanan Graduan Pendaftaran Alumni PKB dan Sesi Fotografi yang akan diadakan di Politeknik Kota Bharu pada **26 Julai 2020 hingga 29 Julai 2020**.

**Hari Pertama (Ahad – 26 Julai 2020)**

**Graduan daripada Jabatan Kejuruteraan Awam**

|                                  |                                   |
|----------------------------------|-----------------------------------|
| <i>Diploma Kejuruteraan Awam</i> | - (8.00 Pagi – 12.00 Tengahari)   |
| <i>Diploma Ukur Bahan</i>        | - (12.00 Tengahari – 4.00 Petang) |

**Hari Kedua (Isnin – 27 Julai 2020)**

**Graduan daripada Jabatan Kejuruteraan Elektrik**

|                                                       |                               |
|-------------------------------------------------------|-------------------------------|
| <i>Diploma Kejuruteraan Elektrik</i>                  | - (8.00 Pagi – 11.00 Pagi)    |
| <i>Diploma Kejuruteraan Elektrik &amp; Elektronik</i> | - (11.00 Pagi – 2.00 Petang)  |
| <i>Diploma Kejuruteraan Elektronik (Komunikasi)</i>   | - (2.00 Petang – 4.00 Petang) |

**Hari Ketiga (Selasa – 28 Julai 2020)**

**Graduan daripada Jabatan Kejuruteraan Mekanikal**

|                                                   |                               |
|---------------------------------------------------|-------------------------------|
| <i>Diploma Kejuruteraan Mekanikal</i>             | - (8.00 Pagi – 11.00 Pagi)    |
| <i>Diploma Kejuruteraan Mekanikal (Automotif)</i> | - (11.00 Pagi – 2.00 Petang)  |
| <i>Diploma Kejuruteraan Mekanikal (Pertanian)</i> | - (2.00 Petang – 4.00 Petang) |
| <i>Diploma Kejuruteraan Mekatronik</i>            | - (2.00 Petang – 4.00 Petang) |

**Hari Keempat (Rabu – 29 Julai 2020)**

**Graduan daripada Jabatan Perdagangan**

|                                     |                               |
|-------------------------------------|-------------------------------|
| <i>Diploma Akauntansi</i>           | - (8.00 Pagi – 11.00 Pagi)    |
| <i>Diploma Pengajian Perniagaan</i> | - (11.00 Pagi – 2.00 Petang)  |
| <i>Diploma Pemasaran</i>            | - (2.00 Petang – 4.00 Petang) |
| <i>Diploma Insurans</i>             | - (2.00 Petang – 4.00 Petang) |

**2. Kehadiran Semasa Pendaftaran Pengesanan Graduan & Pendaftaran Alumni PKB, Pengambil Skrol Diploma & Sesi Fotografi di Politeknik Kota Bharu**

2.1. Pengesahan kehadiran graduan ke Politeknik Kota Bharu hendaklah dibuat secara dalam talian (online) melalui laman sesawang **spmp.pkb.edu.my** dengan mengisi borang permohonan.

**Tatacara permohonan boleh merujuk laman sesawang berkenaan. Sekiranya ada pertanyaan, sila hubungi Pendaftaran Graduan (Pn. Noor Hazini) H/P : 01113232127, (Tiew Jim Mi) H/P:0169320552 atau Unit Peperiksaan (Pn. Zainab) melalui talian 09-788 9126 (samb.130 ).**

### 3. Bayaran Pengurusan Aktiviti/Folder & Yuran/Cenderahati Alumni PKB

3.1. Bayaran yang perlu dibayar oleh graduan yang hadir adalah **RM 90.00\*** (Pengurusan Aktiviti/Folder RM 40.00 dan Yuran seumur hidup Alumni PKB/Cenderahati RM50.00).

\*Tidak termasuk Pembayaran Sesi Fotografi & Pinjaman Jubah.

3.2. Pembayaran hendaklah dibuat atas nama **KOPERASI POLITEKNIK KOTA BHARU BHD** di mana-mana cawangan bank seperti yang dinyatakan dibawah.

| Bil. | Nama Bank      | Nombor Akaun      |
|------|----------------|-------------------|
| 1    | Bank Muamalat  | 0303 0000 0707 18 |
| 2    | Maybank Berhad | 5530 3800 7514    |

3.3. Bayaran boleh dibuat melalui:

- 1) Bayaran di Kaunter Bank Atau
- 2) CDM (Cash Deposit Machine)
- 3) Fund Transfer (Perbankan Internet)

3.4. Slip bayaran atau resit CDM atau resit Fund Transfer asal hendaklah dicatatkan **nama, nombor pendaftaran pelajar dan jabatan.**

3.5 Graduan hendaklah mengemukakan salinan fotokopi Slip Bayaran atau resit CDM atau resit Fund Transfer kepada **Pendaftaran Graduan H/P :\_0169320552 / 01113232127\_**sebagai bukti pembayaran.

3.6 Slip Bayaran hendaklah **dibawa semasa pendaftaran Alumni dan mengambil Skrol Diploma dikaunter yang disediakan pada hari berkenaan.**

3.7 Makluman untuk graduan yang Tidak Hadir dan penghantaran secara pos bayaran yang perlu dibayar adalah **RM 100.00** dan boleh **dibuat selepas 30 Julai 2020** . Sijil Diploma, Folder & Cenderahati Alumni akan **diPOSkan ke alamat graduan selepas 15 Ogos 2020**. Pastikan graduan telah mengisi maklumat pengesanan graduan.

### 4. PENGAMBILAN SKROL DIPLOMA

4.1. Graduan yang hadir ke politeknik pada hari berkenaan boleh mengambil Skrol Diploma masing-masing di kaunter yang disediakan di Pusat Kegiatan Pelajar selepas Pengisian Maklumat Pengesanan Graduan Dan Pendaftaran Alumni.

4.2. Graduan dikehendaki menunjukkan **slip/resit Asal pembayaran** sebagai bukti pembayaran semasa mengambil Skrol Diploma.

4.3. Sijil Diploma yang tidak dituntut akan terus disimpan oleh Unit Peperiksaan PKB.

## 5.0 PEMINJAMAN JUBAH GRADUAN

### Pengambilan/Pemulangan Jubah

5.1. Jubah boleh diambil selepas selesai aktiviti Pengesanan Graduan, Pendaftaran Alumni dan Pengambilan Skrol Diploma di **Bangunan BLOK C PKB** untuk tujuan Fotografi sahaja.

5.2 Pinjaman Jubah akan dikenakan bayarah sebanyak **RM 20 sahaja** dan boleh dibayar dikaunter Jubah semasa pengambilan Jubah

5.3 Mengambil Jubah yang telah DIKHAJIKAN SAHAJA dan TIDAK DIBENARKAN BERKONGSI JUBAH

5.4 Jubah perlu dipulangkan selepas selesai sesi Fotografi.

## 6.0 FOTOGRAFI GRADUAN

Urusan Sesi Fotografi dan bayaran yang dikenakan adalah **diantara RM21 hingga RM60 (bergantung kepada pakej yang disediakan)** di **Kaunter Fotografi** semasa Pengambilan Jubah di **Bangunan BLOK C PKB**.

## 7. PERSATUAN ALUMNI PKB

7.1. Persatuan ini ditubuhkan bagi membentuk jaringan perhubungan di antara Alumni PKB bersama PKB dari segi pembangunan, kerjaya, pengalaman dan infrastruktur politeknik.

7.2. Peranan Persatuan Alumni Politeknik Kota Bharu :

7.2.1 Bekerjasama dengan Unit Kajian Pengesanan Pelajar Politeknik KPT dalam mengesan perkembangan status dan kerjaya graduan PKB.

7.2.2 Membangunkan pangkalan data alumni.

7.2.3 Menggembeling kepakaran Alumni PKB dalam melahirkan graduan berkualiti serta berdaya saing dari segi pembelajaran dan kerjaya.

7.2.4 Platform pertemuan di antara graduan PKB.

7.2.5 Mempromosikan graduan PKB melalui rangkaian hubungan dengan industri.

7.2.6 Menyalurkan maklumat mengenai graduan PKB kepada agensi luar.

7.2.7 Mewujudkan jalinan bestari di antara Alumni PKB dan Politeknik KPT bagi membantu graduan dalam pemajuan kecemerlangan akademik dan kerjaya.

7.2.8 Menyediakan berita-berita aktiviti persatuan Alumni.

7.3. Graduan PKB adalah secara automatik menjadi ahli **Persatuan Alumni Politeknik Kota Bharu Kelantan (PAPKB)**.

## 8. IBUBAPA/TETAMU

- 8.1. Setiap graduan hanya dibenarkan membawa **Dua Orang** tetamu semasa menghadiri majlis Konvokesyen ke-33.
- 8.2. Ibu/bapa/tetamu akan disediakan tempat untuk menunggu graduan sebelum sesi fotografi.
- 8.3. Pakaian ibu/bapa/tetamu hendaklah kemas dan bersesuaian untuk sesi fotografi.
- 8.4. Ibu/bapa/tetamu diminta mengikut peraturan dan SOP yang telah dikeluarkan oleh pihak urusetia konvokesyen semasa menunggu.
- 8.5. Graduan diminta memaklumkan peraturan ini kepada ibu/bapa/tetamu.

## 9. ETIKA PAKAIAN DAN RUPADIRI GRADUAN

### 9.1. Etika Pakaian dan Rupadiri Graduan Lelaki

- 9.1.1. Berkemeja lengan panjang berwarna cerah, seluar slack gelap, bertali leher dan bersongkok (non muslim digalakkan bersongkok). Graduan digalakkan memakai kot.
- 9.1.2. Kasut kulit dan sarung kaki berwarna hitam/gelap yang bersesuaian untuk majlis rasmi. **Kasut sukan TIDAK DIBENARKAN.**
- 9.1.3. Graduan yang beragama Sikh dibolehkan memakai 'turban'.
- 9.1.4. Graduan hendaklah **berambut pendek** (tidak mencecah kolar baju serta tidak menutupi telinga dan dahi) serta kemas.
- 9.1.5. Rambut berfesyen seperti 'punk', berekor atau diwarnakan tidak dibenarkan.

## ETIKA PAKAIAN DAN RUPADIRI BAGI GRADUAN LELAKI



RAMBUT GRADUAN



KASUT YANG DIBENARKAN

## 9.2. Etika Pakaian dan Rupadiri Graduan Wanita

9.2.1. Baju kurung, Kebaya, Kebarung, Sari atau pakaian labuh yang sopan dan bertudung (muslim). Pakaian berbentuk seluar adalah dilarang kecuali pakaian kebangsaan masyarakat Panjabi.

ATAU

9.2.2. Blaus berlengan panjang dan skirt labuh (paras buku lali).

9.2.3. Warna dan corak pakaian hendaklah sesuai dengan majlis rasmi.

9.2.4. Kasut atau sandal bertumit. **Kasut sukan tidak dibenarkan.**

9.2.5. Graduan Non-Muslim hendaklah berambut kemas.

9.2.6. Rambut berfesyen seperti 'punk', berekor atau diwarnakan tidak dibenarkan.

### ETIKA PAKAIAN DAN RUPADIRI BAGI GRADUAN WANITA

(warna dan corak hendaklah sesuai dengan majlis rasmi untuk sesi fotografi)



CONTOH 1



CONTOH 2



CONTOH 3



JENIS KASUT YANG DIBENARKAN

## **SOP SEMASA AKTIVITI**

### **PENDAFTARAN PENGESANAN GRADUAN (MAKMAL KOMPUTER)**

1. Graduan yang hadir hendaklah masuk melalui Pintu Masuk Politeknik yang telah ditetapkan untuk membuat pemeriksaan suhu badan. Graduan dengan suhu badan melebihi 37.5 Celcius atau bergejala tidak dibenarkan masuk.
2. Graduan yang hadir ke Makmal Komputer GCL 1, GCL2, GCL3 dan GCL 4 perlu membersihkan tangan (*hand sanitizer*) dan merekodkan kehadiran dan suhu badan di kaunter Pendaftaran Pengesanan Graduan sebelum memasuki makmal komputer yang disediakan.
3. Pastikan penjarakan sosial sekurang-kurangnya 1 meter dipatuhi semasa menunggu giliran.
4. Urusetia dan graduan yang terlibat digalakkan memakai pelitup muka (*face mask*) semasa aktiviti.
5. Bilangan graduan yang dibenarkan berada dalam bilik makmal tidak melebihi 20 orang sahaja dalam satu-satu masa bergantung kepada bilangan komputer dan keluasan bilik makmal komputer yang disediakan.

### **SOP KAUNTER PENDAFTARAN ALUMNI PKB (PUSAT KEGIATAN PELAJAR)**

1. Graduan digalakkan memakai pelitup muka (*face mask*).
2. Graduan hendaklah membersihkan tangan (*hand sanitizer*).
3. Pastikan penjarakan sosial sekurang-kurangnya 1 meter dipatuhi semasa menunggu giliran.

### **SOP KAUNTER PENGAMBILAN SKROL DIPLOMA DAN TRANSKRIP (PUSAT KEGIATAN PELAJAR)**

1. Pastikan penjarakan sosial sekurang-kurangnya 1 meter di patuhi semasa menunggu giliran.
2. Dilarang berkumpul atau berhimpun sebelum, semasa atau selepas aktiviti.

### **SOP PENGAMBILAN JUBAH & FOTOGRAFI (BANGUNAN BLOK A,B & C )**

1. Pastikan penjarakan sosial sekurang-kurangnya 1 meter di patuhi semasa menunggu giliran.
2. Tidak dibenarkan berkongsi jubah.
3. Pastikan Jubah dihantar ditempat yang telah dikhaskan sahaja selepas sesi fotografi.
4. Graduan dilarang berkumpul atau berhimpun sebelum, semasa atau selepas aktiviti.
5. Graduan digalakkan membersihkan tangan (*hand sanitizer*) selepas aktiviti selesai.

❖ *Graduan Dikehendaki Mengikut SOP AM (COVID-19) Yang Dikeluarkan Oleh Pihak KKM/MKN*

**JADUAL AKTIVITI PENDAFTARAN ALUMNI PKB, PENDAFTARAN PENGESANAN GRADUAN,  
PENGAMBILAN SIJIL DIPLOMA DAN SESI FOTOGRAFI KONVOKESYEN TAHUN 2020  
GRADUAN SESI DISEMBER 2018 & SESI JUN 2019**

**TARIKH : 26/07/2020 HINGGA 29/07/2020  
MASA: 8.00 PAGI - 4.00 PETANG**

|                                                                               | PENDAFTARAN GRADUAN,<br>PENDAFTARAN ALUMNI<br>TEMPAT: BLOK F                                                                                                                                    | PENGISIAN MAKLUMAT<br>PENGESANAN GRADUAN<br>TEMPAT :MAKMAL KOMPUTER<br>GCL1,2,3 & 4 | PENGAMBILAN SKROL DIPLOMA<br>TEMPAT: PUSAT KEGIATAN<br>PELAJAR                                                                                                                         | PENGAMBILAN JUBAH<br>SESI FOTOGRAFI<br>TEMPAT: BANGUNAN BLOK C |
|-------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------|
| <b>26/07/2020<br/>(AHAD)<br/>GRADUAN JABATAN<br/>KEJURUTERAAN AWAM</b>        | <b>DIPLOMA KEJURUTERAAN AWAM (DKA)<br/>DIPLOMA UKUR BAHAN (DUB)</b>                                                                                                                             |                                                                                     | <b>SESI 1-1 - 8.00 PAGI HINGGA 12.00 TENGAHARI<br/>SESI 1-2 - 12.00 TENGAHARI HINGGA 4.00 PETANG</b>                                                                                   |                                                                |
| <b>27/07/2020<br/>(ISNIN)<br/>GRADUAN JABATAN<br/>KEJURUTERAAN ELEKTRIK</b>   | <b>DIPLOMA KEJURUTERAAN ELEKTRIK &amp; ELEKTRONIK (DEE)<br/>DIPLOMA KEJURUTERAAN ELEKTRIK (DET)<br/>DIPLOMA KEJURUTERAAN ELEKTRONIK (KOMUNIKASI) (DEP)</b>                                      |                                                                                     | <b>SESI 1-1 - 8.00 PAGI HINGGA 11.00 PAGI<br/>SESI 1-2 - 11.00 PAGI HINGGA 2.00 PETANG<br/>SESI 1-3 - 2.00 PETANG HINGGA 4.00 PETANG</b>                                               |                                                                |
| <b>28/07/2020<br/>(SELASA)<br/>GRADUAN JABATAN<br/>KEJURUTERAAN MEKANIKAL</b> | <b>DIPLOMA KEJURUTERAAN MEKANIKAL (DKM)<br/>DIPLOMA KEJURUTERAAN MEKANIKAL (AUTOMOTIF) (DAD)<br/>DIPLOMA KEJURUTERAAN MEKANIKAL (PERTANIAN) (DPT)<br/>DIPLOMA KEJURUTERAAN MEKATRONIK (DEM)</b> |                                                                                     | <b>SESI 1-1 - 8.00 PAGI HINGGA 11.00 PAGI<br/>SESI 1-2 - 11.00 PAGI HINGGA 2.00 PETANG<br/>SESI 1-3 - 2.00 PETANG HINGGA 4.00 PETANG<br/>SESI 1-3 - 2.00 PETANG HINGGA 4.00 PETANG</b> |                                                                |
| <b>29/07/2020<br/>(RABU)<br/>GRADUAN JABATAN<br/>PERDAGANGAN</b>              | <b>DIPLOMA AKAUNTANSI (DAT)<br/>DIPLOMA PENGAJIAN PERNIAGAAN (DPM)<br/>DIPLOMA PEMASARAN (DPR)<br/>DIPLOMA INSURANS (DIN)</b>                                                                   |                                                                                     | <b>SESI 1-1 - 8.00 PAGI HINGGA 11.00 PAGI<br/>SESI 1-2 - 11.00 PAGI HINGGA 2.00 PETANG<br/>SESI 1-3 - 2.00 PETANG HINGGA 4.00 PETANG<br/>SESI 1-3 - 2.00 PETANG HINGGA 4.00 PETANG</b> |                                                                |

❖ GRADUAN YANG HADIR SEMASA AKTIVITI BERKENAAN DIKEHENDAKI MENGIKUT SOP AM (COVID-19) YANG DIKELUARKAN OLEH PIHAK KKM/MKN

